

# PM mahu koridor pembangunan Sabah disegerakan

Am - 15/2/2007

KOTA KINABALU 14 Feb. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu kerajaan negeri menyegerakan pelaksanaan koridor pembangunan di Sabah sebagai satu strategi bagi merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi di negeri ini.

Perdana Menteri berkata, Koridor Sabah akan menggabungkan kerjasama tiga syarikat berkaitan kerajaan (GLC) negeri iaitu Yayasan Sabah, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sabah (Sedco) dan Sawit Kinabalu.

Tambahnya, ia akan turut melibatkan penyertaan sektor swasta menerusi pelaburan dalam dan luar negara (DFI) manakala strukturnya akan diputuskan oleh kerajaan negeri.

“Saya telah bincangkan mengenai perkara ini (koridor pembangunan) dengan Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman (supaya dipercepatkan).

“Apa yang penting ialah terdapat banyak aspek pembangunan yang boleh diperkenalkan menerusi Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI),” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) Terminal 2 di sini hari ini.

Perdana Menteri yakin formula PFI akan dapat menggalakkan pelaburan domestik dan pada masa yang sama menjana usaha sama dengan syarikat asing.

Justeru, Abdullah berpendapat, PFI perlu digalakkan kerana beliau melihat terdapat juga potensi pembangunan industri pelancongan di Sabah yang terletak di dalam Kawasan Pertumbuhan



**ABDULLAH** Ahmad Badawi diiringi Musa Aman bermesra dengan orang ramai sejurus tiba di Terminal 2, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Sabah, semalam.

ASEAN-Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina (BIMP-EAGA).

Ditanya mengenai fungsi Malaysia Airports Holdings Bhd. (MAB) berhubung terminal tambang murah, beliau

berkata, pada ketika ini syarikat itu bertanggungjawab menguruskan semua terminal tambang murah di negara ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri men-

jelaskan Koridor Sabah berbeza daripada Wilayah Ekonomi Selatan Johor (SJER) atau kini dikenali Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) kerana negeri ini memiliki keistimewaan tersendiri.